



" AWAS AJARAN SESAT "

صل

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِي
وَمَنْ يُضِلِّ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-



Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah **"AWAS AJARAN SESAT"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ajaran sesat telah mula dikesan bergerak di Malaysia sebelum tahun 1950an lagi. Kebanyakan ajaran sesat bergerak secara senyap-senyap atau tanpa disedari menyebabkan ianya sukar dikesan dan dibanteras oleh pihak berkuasa agama dengan lebih awal. Ajaran sesat dipercayai wujud dan dibawa masuk oleh penganut-penganut daripada negara-negara asal lahirnya ajaran tersebut atau oleh rakyat tempatan yang mengamalkan ajaran yang menyimpang dengan kepercayaan karut dan mempengaruhi orang lain.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat? Apakah ciri-ciri ajaran sesat? Apakah implikasi atau kesan buruk daripada ajaran sesat?

Ajaran sesat bermaksud sebarang ajaran yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam dengan dakwaan bahawa ajaran tersebut berdasarkan ajaran Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran tersebut bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah, syariat dan akhlak. Munculnya ajaran sesat di negara ini disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah disebabkan wujudnya golongan musuh-musuh Islam yang ingin meruntuhkan ajaran Islam dengan mengubah, menyeleweng dan merosakkan ajaran Islam. Mereka tidak akan duduk diam malah



sentiasa berusaha menghapuskan Islam. Namun, Allah SWT sentiasa menjaga agama yang diridai-Nya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Saf ayat 8:

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ
وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

"Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka yang demikian itu".

Selain itu, ada juga ajaran sesat yang wujud kerana memenuhi kepentingan individu-individu tertentu untuk mendapatkan kedudukan, pengaruh, pangkat, harta, dan sebagainya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ada pun ciri-ciri ajaran sesat secara umum adalah seperti berikut:

1. Mencemar kesucian al-Quran.

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian al-Quran ialah sikap atau tindakan biadab mempertikai kebenaran al-Quran, mengubah kedudukan dan struktur ayat-ayat al-Quran, membuat penafsiran menyeleweng tanpa merujuk tafsiran ulama-ulama muktabar di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selain itu, mendakwa wujudnya kitab suci lain selain al-Quran atau mendakwa bahawa al-Quran yang sedia ada tidak lengkap atau mempunyai



kekurangan sepertimana yang didakwa oleh ajaran Bahai bahawa kitab suci mereka iaitu al-Bayan memansuhkan semua kitab samawi.

2. Mencemar kesucian al-Sunnah

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian al-Sunnah ialah mempertikai kedudukan hadis-hadis yang sepakat diterima oleh imam-imam hadis Ahli Sunnah Wal Jamaah terutamanya hadis-hadis mutawatir dan sahih. Mereka juga menolak al-Sunnah atau al-Hadis secara umum sebagai sumber perundangan hukum Islam. Contohnya ajaran golongan anti hadis yang menolak kedudukan hadis sebagai sumber perundangan hukum.

3. Mencemar kesucian Islam

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian Islam ialah mendakwa bahawa semua agama adalah sama. Atau mendakwa penyatuan semua agama termasuk Islam ke dalam satu agama baru. Contohnya ajaran Pluralisme Agama yang mendakwa tiada satu pun agama tunggal dan eksklusif yang boleh disifatkan sebagai agama yang benar atau setidaknya terdapat kebenaran dan nilai yang benar dalam agama-agama lain.

4. Mencemar kesucian syariat Islam

Antara bentuk pencemaran terhadap kesucian syariat Islam ialah mempertikai hukum-hakam Islam, mengubah, menambah serta meringankan syariat dan pengamalan dalam Islam atau mendakwa wujudnya syariat yang baru. Contohnya ajaran Qiadiani yang menghapuskan pensyariatan hukum jihad dan ajaran-ajaran lain



yang mendakwa bahawa solat, puasa atau ibadah-ibadah lain cukup hanya dengan niat, menghalalkan nikah batin dan nikah mut'ah.

5. Mendewa-dewakan para pemimpin

Antaranya ialah tanggapan bahawa pemimpin bersifat maksum dan tidak berdosa, sebagai Imam Mahdi, sebagai nabi, sebagai jelmaan tuhan atau sebagai tuhan dan dakwaan pemimpin atau guru ajaran mereka memegang kunci pintu syurga serta dapat menentukan siapa yang dijamin masuk syurga. Begitu juga pemimpin atau guru tersebut boleh menebus dosa dengan wang atau dengan penyerahan diri secara zahir dan batin.

6. Berinteraksi dengan makhluk alam ghaib

Dakwaan bahawa mengetahui perkara-perkara akan datang atau mampu berinteraksi dengan jin, syaitan, roh, para wali, para nabi dan para malaikat sebagaimana yang dilakukan oleh bomoh atau dukun yang mengamalkan ilmu hitam.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ajaran sesat memberi kesan yang amat buruk terhadap diri kita kerana ianya akan merosakkan akidah, menyebabkan minda seseorang akan tertutup, menimbulkan sikap fanatik dan bertindak secara tidak rasional. Kesemuanya ini akan mengakibatkan keruntuhan institusi keluarga, masyarakat dan negara.

Sebagai seorang muslim kita mestilah berhati-hati dengan ajaran yang jelas menyalahi dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Ajaran-ajaran yang telah diwartakan sesat oleh pihak berkuasa agama tempatan mestilah selalu dipantau dan diawasi agar tiada individu



lain lagi yang akan terjerumus dan terbabit dengannya. Selain itu, para ulama dan pihak berkuasa agama seperti Ahli Jawatankuasa Fatwa mestilah selalu dirujuk untuk membendung dan mengenalpasti sebarang ajaran-ajaran baru yang disyaki mempunyai ciri-ciri kesesatan. Ingatlah, sesungguhnya Islam adalah agama yang jelas kebenarannya dan jelas juga batas-batas kekufurannya.

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

"Sesungguhnya aku telah tinggalkan bagimu agama yang jelas nyata dari sebarang kesamaran. Jelasnya diibaratkan gelap malam gelita seperti siang harinya. Sesiapa pun tidak akan tergelincir darinya selepasku melainkan mereka yang ditakdirkan binasa. Sesiapa yang hidup selepas itu akan melihat kekeliruan yang banyak sekali. Maka hendaklah kamu berpegang dengan apa yang telah kamu ketahui dari sunnahku dan sunnah khulafa' al-rasyidin yang dipimpin. Peganglah kepercayaan dan keyakinan itu dengan teguh".

(Riwayat Ibnu Majah)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Hikmah dan pengajaran yang dapat dirumuskan daripada khutbah ini ialah:

- Pertama : Ajaran sesat muncul disebabkan musuh-musuh Islam yang ingin merosakkan agama Islam dan juga wujudnya individu-individu yang mencari kedudukan, pengaruh, pangkat, harta, dan sebagainya.
- Kedua : Ciri-ciri ajaran sesat dapat dikesan apabila kedudukan al-Quran dan al-Hadis dipertikai. Adanya perubahan



pada kefahaman serta syariat islam yang diamal dan ketahui umum. Selain itu, pemimpin serta guru-guru mereka diberikan kedudukan yang melebihi kedudukan para nabi sehingga ada yang dipertuhankan.

Ketiga : Al-Quran dan al-Sunnah merupakan penunjuk kepada keselamatan dan juga kesesatan. Selain itu, para ulama dan pihak berkuasa agama seperti majlis fatwa mestilah selalu dijadikan rujukan agar tiada individu lain yang terjerumus ke dalam ajaran yang menyeleweng dan sesat.

Keempat : Akibat kejahilan dalam bidang agama yang menyebabkan penyelewengan kepercayaan dan amalan. Justeru marilah kita mendalami ilmu agama yang sahih untuk memastikan anutan kita benar lagi sahih.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ إِنِّي نُهَيْتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ
اللَّهِ قُلْ لَا أَتَّبِعُ أَهْوَاءَكُمْ قَدْ ضَلَلْتُ إِذَا وَمَا
أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah". Katakanlah lagi: "Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut,



sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

(Al-An'am : 56)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ
وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ،
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.